



**MAJLIS PERBANDARAN  
PULAU PINANG**

# JABATAN BANGUNAN SIJIL PENGHUNIAN



## SIJIL PENGHUNIAN(OC)

Permohonan hendaklah dibuat oleh orang yang mengemukakan pelan bangunan kepada Majlis, sama ada oleh seorang arkitek, jurutera, pelukis pelan berdaftar ataupun pemilik bangunan sendiri.

### PERHATIAN

Sekiranya permohonan dikemukakan oleh seorang arkitek, jurutera atau pelukis pelan berdaftar, sila pastikan bahawa:

- Bangunan siap dibina mengikut kelulusan pelan bangunan dan surat pengesahan daripada arkitek, jurutera, pelukis pelan berdaftar dan juru ukur tanah berlesen diperolehi.
- Semua surat sokongan daripada jabatan-jabatan teknikal berkenaan diperolehi.
- Semua bayaran sumbangan dijelaskan.
- Borang permohonan (contoh borang boleh diperolehi dari Jabatan Bangunan) diisi dengan lengkap.

### JABATAN-JABATAN TEKNIKAL MAJLIS

- Jabatan Bangunan
- Jabatan Kejuruteraan
- Jabatan Perancangan Bandar dan Pembangunan
- Jabatan Pelesiran
- Jabatan Perkhidmatan Perbandaran

### JABATAN-JABATAN TEKNIKAL LUARAN

- Perbadanan Bekalan Air Sdn.Bhd.(PBASB)
- Tenaga Nasional Berhad(TNB)
- Jabatan Bomba & Penyelamat
- Syarikat Telekom Malaysia(STM)
- Jabatan Pengairan dan Saliran(JPS)
- Jabatan Kerja Raya(JKR)
- Jabatan Penerangan Awam
- Jabatan Alam Sekitar
- Jabatan Perkhidmatan Pembetungan  
(Mana-mana jabatan yang terlibat sahaja)

*Semua bayaran sumbangan boleh dijelaskan di Tingkat 3, KOMTAR, Bahagian Kutipan Hasil MPPP*

### CARA-CARA MEMOHON

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan kepada arkitek Bahagian Kawalan Bangunan, Jabatan Bangunan Majlis, Tingkat 14, KOMTAR. Permohonan yang lengkap akan diproses dengan serta-merta dan Sijil Penghunian (OC) dikeharkan dalam tempoh 14 hari.

Sekiranya permohonan dibuat oleh pemilik bangunan sendiri (bagi rumah steta Majlis dan rumah separuh kekal), maka beliau perlu memastikan:

- Rumah telah siap dibina
- Semua syarat kelulusan pelan dipatuhi
- Surat permohonan dikemukakan kepada Majlis
- Surat Juru ukur Tanah Berlesen bagi pengesahan perletakan bangunan, jika ada;

## PENTING

*Tentukan semua syarat kelulusan seperti yang tercatat di dalam Pelan Bangunan itu dipatuhi sepenuhnya sebelum sebarang permohonan dibuat.*

# PERINGATAN PENTING

Seksyen 28, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, menyatakan.

Tiada seorang pun yang boleh menduduki atau membenarkan diduduki mana-mana bangunan atau mana-mana bahagiannya melainkan jika sesuatu perakuan kelayakan menduduk telah dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini dan kegagalan mematuhi undang-undang kecil ini boleh menyebabkan seseorang itu didakwa di bawah akta ini.

Jika sabit kesalahan, anda boleh didenda tidak melebihi RM250.00 sehari.

*Sila patuhi penerangan yang terkandung di dalam Buku Panduan ini*

**Sebarang masalah sila hubungi:-**

**JABATAN BANGUNAN,  
MAJLIS PERBANDARAN  
PULAU PINANG.**

TINGKAT 14, KOMTAR, JALAN PENANG,  
10675 PULAU PINANG.  
TEL: 04-2592188